

**KHUTBAH JUMAAT**  
**"MEMELIHARA NASAB"**  
**(03 November 2023M/ 19 Rabiulakhir 1445H)**

---

الْحَمْدُ لِلّٰهِ، الْحَمْدُ لِلّٰهِ الذِّي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا  
بِالْتَّقْوَىٰ وَالْحُلْقِ الْكَرِيمِ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَ عَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِتَّقُوا اللّٰهَ  
حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Takwa dan iman adalah pelita yang menyinari hati dan kalbu kita, memimpin ke jalan yang benar, memenuhi jiwa dengan kebaikan dan rahmah, menghakis sifat yang buruk dalam hati dan menggantikan kebencian dengan kasih sayang, memandu ke arah kesejahteraan dan keamanan, di dunia dan di akhirat. Justeru, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan menunaikan perintah dan menjauhi tegahan Allah *subhanahu wata'ala*. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, mampu menjadi contoh dan ikutan umat-umat yang lain.

Bersempena dengan bulan sambutan Hari Pendaftaran Negara (HPN) kali ke-75 tahun 2023 yang disambut pada bulan Oktober pada setiap tahun, khatib pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk "**Memelihara Nasab**".

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Islam menganjurkan umatnya supaya berkahwin dan membina keluarga bahagia berlandaskan syariat kerana tujuan perkahwinan adalah untuk mengelak berlakunya perbuatan zina yang boleh melahirkan anak yang tidak sah taraf.

Memelihara keturunan atau nasab merupakan satu daripada maqasid syariah iaitu tujuan, makna dan hikmah yang telah ditetapkan oleh Syari'at Islam dalam hukum-hakam, dan perkahwinan pula menjadi laluan utama ke arah memelihara keturunan. Dalam erti kata yang lain, perkahwinan bukan sekadar memberikan kenikmatan atau keseronokan zahir dan batin, tetapi sebagai saluran untuk mendapatkan zuriat dan menyambung keturunan yang sah. Nasab merupakan kurniaan yang besar daripada Allah *subhanahu wata'ala* kepada manusia. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Furqan, ayat 54 :

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ مِنْ أَلْمَاءٍ بَشَرًا فَجَعَلَهُ، نَسِئَلًا وَصِهْرًا وَكَانَ رَبُّكَ قَدِيرًا

**Maksudnya:** *Dan Dia lah Tuhan yang menciptakan manusia dari air, lalu dijadikannya (mempunyai) titisan baka dan penalian keluarga (persemedaan); dan sememangnya tuhanmu berkuasa (menciptakan apa juar yang dikehendakiNya).*

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Walaupun Islam menganjurkan kita supaya meramaikan zuriat dan keturunan, namun perlu dingat dan ditegaskan di sini bahawa caranya bukanlah dengan melakukan zina atau hubungan seks

haram. Ini kerana zina antara lain menyebabkan perpecahan keluarga dan kelahiran anak luar nikah yang tidak berbapa. Kesudahannya anak tersebut membesar tanpa mendapat jagaan dan perlindungan yang sepatutnya.

Zuriat dan keturunan merupakan nikmat Allah *subhanahu wata'ala* kepada para hamba-Nya. Ia menjadi pengikat kasih sayang di antara pasangan suami isteri dan penyambung keturunan dari generasi ke satu generasi tanpa terputus. Oleh kerana itu, kita disuruh bersyukur kepada Allah *subhanahu wata'ala* dan juga kepada kedua ibu bapa. Firman-Nya dalam surah Luqman, ayat 14 yang bermaksud:

*(Dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibu bapamu, dan (ingatlah) kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan).*

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Jabatan Pendaftaran Negara adalah Jabatan yang diberi kuasa oleh Undang-undang melalui Seksyen 13, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) yang memperuntukkan pendaftaran kelahiran anak tak sah taraf. Dalam akta tersebut telah memperuntukkan bahawa permohonan pendaftaran yang melibatkan anak tak sah taraf beragama Islam adalah tertakluk kepada fatwa yang telah diputuskan oleh Lembaga Fatwa Negeri Sarawak.

Dalam hal ini, Lembaga Fatwa Negeri Sarawak telah memutuskan dan mewartakan fatwa bahawa :

*"Anak tak sah taraf ialah seseorang anak yang dilahirkan di luar nikah dan bukan daripada persetubuhan syubhah. Anak tak sah taraf yang lahir hendaklah ‘dibin’ atau ‘dibintikan’ kepada Abdullah yang bermaksud ‘hamba Allah’. Jika lelaki yang menyebabkan kelahiran anak tersebut bernama Abdullah anak tersebut hendaklah ‘dibin’ atau ‘dibintikan’ kepada nama “Al-Asma Al-Husna” yang lain dengan menyertakan perkataan Abdul dipangkal seperti Abdul Rahman atau Abdul Rahim."*

Penamaan anak tak sah taraf ini adalah jelas sebagaimana Garis Panduan Penamaan dan Kedudukan Anak Tak Sah Taraf Dari Segi Syarak yang diputuskan oleh Lembaga Fatwa Negeri Sarawak. Menurut data dari Jabatan Pendaftaran Negara, seramai 546 kanak-kanak tak sah taraf beragama Islam telah dilahirkan di Negeri Sarawak untuk Januari hingga Ogos 2023.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Syarak dan Maqasid al-Syariah amat mementingkan pemeliharaan nasab keturunan yang akan memberi kesan hukum lain seperti aspek keabsahan pergaulan, perwalian, pembahagian harta pusaka, perkahwinan, nafkah dan lain-lain.

Profesor Dr. Wahbah al-Zuhaili *rahimahullah*, seorang tokoh ulama terkenal dari Syria yang dirujuk melalui Kitab al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh pernah berkata: "Nasab merupakan penyandar yang paling kukuh yang berdirinya sebuah keluarga. Ia mengikat unit-unit keluarga dengan ikatan atas dasar kesatuan darah, dan juz'i pada bahagiannya. Ini kerana anak sejuzuk daripada bapanya dan bapa

*adalah sejuzuk daripada anaknya. Ia merupakan nikmat yang agung, kurniaan Allah kepada manusia. Justeru, memelihara nasab adalah salah satu daripada maqasid syariah yang lima."*

Berdasarkan keterangan tadi, jelas kepada kita bahawa nasab adalah suatu perkara yang sangat penting dalam kehidupan manusia dan hanya boleh disahkan dengan adanya hubungan perkahwinan yang sah dari segi syarak.

Syarak juga menegah mana-mana bapa mengingkari nasab anak dan juga mengharamkan wanita menisbahkan anak kepada bukan bapanya yang hakiki. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa beliau telah mendengar Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda yang maksudnya:

(( *Sesiapa sahaja dari kalangan wanita yang memasukkan (menasabkan anaknya secara batil) kepada satu kaum sedangkan ia bukan daripada mereka, maka tiadalah wanita itu daripada Allah (rahmat-Nya dan agama-Nya) sesuatu pun. Dan Allah pasti tidak memasukkannya (perempuan tersebut) ke syurga (melainkan setelah mengazabnya atau melambatkannya masuk ke dalam syurga). Sesiapa sahaja daripada kalangan lelaki yang mengingkari anaknya sedangkan dia mengetahui hakikatnya, maka Allah akan menghijabkannya daripada-Nya (rahmat-Nya) dan menghinanya di khayal mereka yang terdahulu hingga akhirnya.)*)

*(Hadis riwayat Imam Abu Daud, al-Nasaie, dan Ibn Hibban)*

Begini juga syara' menegahkan anak-anak menisbahkan diri kepada selain bapanya seperti bukan bapanya yang sebenar atau hakiki.

Daripada Sa'ad bin Malik *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

(( مَنْ ادْعَى إِلَى غَيْرِ أُبِيهِ وَهُوَ يَعْلَمُ أَنَّهُ غَيْرُ أُبِيهِ فَالْجَنَّةُ عَلَيْهِ حَرَامٌ ))

**Maksudnya:** Sesiapa yang mendakwa untuk menisbahkan kepada selain ayahnya, sedangkan dia mengetahui bahawa orang itu bukan ayahnya, maka haram ke atasnya untuk menghuni syurga (melainkan setelah diazab kerana dosanya itu).

(*Hadis riwayat Imam Abu Daud*)

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Sekiranya anak tak sah taraf ‘dibin’ atau ‘dibintikan’ kepada bapa biologinya, maka ia boleh mengundang masalah yang lebih besar lagi antaranya ialah:

- i. Perkahwinan anak tak sah taraf yang berwalikan bapa biologinya adalah tidak sah. Kesannya berlaku kerosakan dalam sistem keluarga kerana melakukan perzinaan berterusan akibat akad nikah yang tidak sah.
- ii. Kelahiran anak tidak sah taraf akan berleluasa dalam masyarakat.
- iii. Akan melahirkan umat yang celaru keturunannya;
- iv. Anak tidak sah taraf akan menuntut hak sama seperti mana anak sah taraf dalam perwalian, harta pusaka dan sebagainya yang boleh menimbulkan kerosakan yang lebih besar.
- v. Dari segi pewarisan harta pusaka bahawa anak tidak sah taraf tidak berhak mewarisi harta pusaka bapanya yang tidak sah taraf dan hanya boleh mewarisi harta pusaka ibunya sahaja. Begitu juga

sebaliknya, bapanya tidak berhak mewarisi pusaka anaknya yang tidak sah taraf.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Anak tak sah taraf bukanlah hina dan dia tidak berdosa kerana kesilapan yang dilakukan oleh kedua orang tuanya. Dalam Islam jelas bahawa seseorang itu tidak menanggung dosa orang lain. Justeru, hendaklah kita menghormati hak mereka kerana mereka tetap manusia yang mulia di sisi Allah berdasarkan tahap ketaqwaannya kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Ahzab, ayat 5 yang bermaksud:

*"Panggillah anak-anak angkat itu dengan ber"bin"kan kepada bapa-bapa mereka sendiri; cara itulah yang lebih adil di sisi Allah. Dalam pada itu, jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, maka panggillah mereka sebagai saudara-saudara kamu yang seagama dan sebagai "maula-maula" kamu. Dan kamu pula tidak dikira berdosa dalam perkara yang kamu tersilap melakukannya, tetapi (yang dikira berdosa itu ialah perbuatan) yang disengajakan oleh hati kamu melakukannya. Dan (ingatlah Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."*

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah minggu ini, mimbar Jumaat ingin menegaskan;

**Pertama:** Umat Islam hendaklah menyedari bahawa implikasi anak tidak sah taraf apabila berleluasa akan menimbulkan kesan yang amat buruk kepada keturunan dan kesejahteraan masyarakat.

**Kedua:** Umat Islam wajib kembali kepada petunjuk al-Quran dan sunnah dengan menghayati isi kandungannya dan diaplikasikan dalam melayari kehidupan.

**Ketiga:** Umat Islam hendaklah memelihara nasab atau keturunan dengan mengelakkan diri daripada perkara-perkara yang membawa kepada kecelaruan nasab dan keturunan.

**Keempat:** Umat Islam hendaklah menjauhi perzinaan bagi memastikan keturunan yang sah taraf.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Isra', ayat 32:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .  
وَلَا تَقْرَبُوا الْزَّنْجِ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَيِّلًا

**Maksudnya:** *Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

قَالَ اللّٰهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسِلِّمُوا تَسْلِيمًا اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلُّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلُّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلُّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلُّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

وَارْضَى اللّٰهُمَّ عَنِ الْحُلَفاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَواتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذْلِلَ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ  
أَعْدَاءَ الدِّينِ. اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا  
الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ بَدِّلْ شَمْلَهُمْ وَفَرِقْ جَمْعَهُمْ، وَشَتِّتْ  
كَلِمَاتَهُمْ، وَزَلْزِلْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلْطْ عَلَيْهِمْ كُلُّا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارَ يَا  
جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ.

اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ، وَيَا مُجْرِيَ السَّحَابِ، وَيَا هَازِمَ الْأَخْرَابِ،  
إِهْزِمْهُمْ وَانْصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا فِي كُلِّ مَكَانٍ وَخُصُوصًا فِي بِلَادِ فَلَسْطِينَ، وَارْفَعْ  
عَنْهُمُ الْقَحْطَ وَالْبَلَاءَ وَالْحَرْبَ وَالْأَعْتِدَاءَ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan

kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan kefaian. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami (orang Islam) di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ،  
أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.